



THE
REMEDY
PROJECT

THE FREEDOM FUND

Membetulkan Keadaan:

Pemulihan Buruh Paksa di bawah Akta Tarif 1930 (Tariff Act 1930)

Rumusan Dapatan dan Rekomendasi Utama

28 April 2023

Pengakuan

Laporan penyelidikan ini dihasilkan oleh The Remedy Project dan dengan sokongan yang bermurah hati daripada *Freedom Fund (Dana Kebebasan)*. Pembangunan kajian kes untuk laporan ini telah disokong oleh penyelidikan daripada para perunding Anna Sher, Diana Novoa, Liva Sreedharan, Musa Nkuna, Nanchanok Wongsamuth, dan Pramod Acharya. Terjemahan disediakan oleh Dato Sa Wai.

Para pengarang ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 53 pekerja dan pemegang hak yang bersetuju untuk ditemu bual atas asas tanpa nama untuk laporan ini, serta kumpulan masyarakat sivil, para pakar dan pihak berkepentingan lain yang telah ditemu bual untuk laporan ini.

Penolak Tuntutan

Laporan ini tidak bertujuan untuk mengenal pasti, atau mengata, kewujudan buruh paksa atau pelanggaran undang-undang lain atau hak asasi manusia oleh mana-mana syarikat atau individu. Ia juga tidak berusaha untuk mengesah, mentahkik atau menyokong kesimpulan yang dicapai oleh Kastam dan Perlindungan Sempadan AS dalam apa jua kes. Tiada apa-apa dalam laporan ini adalah nasihat undang-undang.

Pandangan yang dinyatakan dalam laporan ini adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Freedom Fund dan/atau mana-mana penyumbang lain kepada laporan ini.

1. Pengenalan

- 1.1 *Remedy Project* (Projek Remedi), dengan sokongan *Freedom Fund*, telah menjalankan kajian global untuk memahami hubungan antara 'larangan import' di bawah Akta Tarif AS 1930 ke atas barangan yang dihasilkan dengan menggunakan buruh paksa, dan pemberian remedi kepada pekerja dan pemegang hak lain dalam keadaan buruh paksa. Taklimat ini merumuskan penemuan utama dan rekomendasi daripada kajian tersebut. Laporan kajian penuh (**Laporan**) boleh diakses di sini.
- 1.2 Akta Tarif AS 1930 (**Akta Tarif**)¹ memberi kuasa kepada Kastam dan Perlindungan Sempadan (**CBP**) AS untuk mengenakan 'larangan import'² ke atas barangan yang dihasilkan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh buruh paksa³. Larangan import di bawah Akta Tarif adalah antara alat undang-undang yang paling kukuh yang terdapat pada masa ini untuk memastikan syarikat bertanggungjawab ke atas kerja paksa dalam rantaian bekalan mereka. Ia berpotensi untuk mengenakan kos ekonomi langsung kepada mereka yang mengeksploitasi buruh paksa, dan mengganggu rantaian nilai yang mendapat keuntungan daripada eksploitasi. Larangan import boleh memberi tekanan komersial yang ketara kepada syarikat untuk menangani buruh paksa dalam rantaian bekalan mereka atau menghadapi risiko kehilangan akses kepada pasaran eksport AS yang bernilai.
- 1.3 Larangan import juga boleh memberi kesan pencegahan yang kuat. Memandangkan kesan komersial yang ketara daripada larangan import, risiko buruh paksa dan hak asasi manusia telah ditingkatkan menjadi isu tahap bilik lembaga dalam banyak industri. Ancaman atau risiko sesuatu larangan import boleh mendorong syarikat dan industri untuk mencari secara proaktifnya penunjuk dalam rantaian bekalan mereka, dan melaksanakan gerak balas tahap sistemik untuk menanganinya.
- 1.4 Larangan import buruh paksa telah mendorong perubahan yang ketara dalam tingkah laku korporat dan kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, apa yang kurang jelas ialah hubungan antara larangan import dan pemberian remedi kepada orang dalam keadaan buruh paksa. Larangan import sering dilihat sebagai langkah hukuman, bukannya alat untuk menyokong pemberian remedi kepada pekerja dan pemegang hak lain dalam keadaan kerja paksa. Sebenarnya Akta Tarif sendiri tidak menyebut istilah 'remedi' atau 'pemulihan', tetapi ini tidak bermakna larangan import di bawah Akta Tarif tidak boleh, atau tidak, membawa kepada pemberian remedi.
- 1.5 Melihat melalui lensa sembilan kajian kes yang berbeza, Laporan ini berusaha untuk lebih memahami sejauh mana larangan import di bawah Akta Tarif 1930 telah membawa kepada pemberian remedi kepada pekerja dan pemegang hak lain dalam keadaan buruh paksa. Laporan itu mengkaji bentuk remedi yang diberikan, kesannya terhadap pekerja dan pemegang hak, dan mengenal pasti faktor yang menyokong atau menjejaskan keberkesanan larangan import sebagai alat untuk mendapatkan remedi bagi pekerja dan pemegang hak lain dalam keadaan buruh paksa.

1 19 Kanun AS Bab 4

2 Laporan ini menggunakan istilah 'larangan import' yang biasa digunakan untuk menerangkan mekanisme penguatkuasaan di bawah Seksyen 307 Akta Tarif 1930. 'Larangan import' ialah satu bentuk sekatan kuantitatif yang melarang barang dari asal usul atau jenis tertentu daripada memasuki pasaran. Lihat: Parlimen Eropah (2022) [Opsyen dasar berkaitan perdagangan mengenai larangan ke atas produk buruh paksa](#), halaman 10, dan Pertubuhan Perdagangan Dunia, [Sekatan Kuantitatif](#).

3 Di bawah Akta Tarif, buruh paksa ditakrifkan "sebagai kerja atau perkhidmatan yang dituntut daripada mana-mana orang di bawah ancaman apa-apa penalti kerana ketidakprestasinya dan untuknya pekerja itu tidak menawarkan dirinya secara sukarela", dan termasuk buruh kanak-kanak paksa atau indentur. Lihat: 19 Kanun Peraturan Persekutuan (CFR) Seksyen Kecil 12.42(f).

1. Pengenalan

Penjelasan: Mekanisme 'Larangan Import' Akta Tarif

Seksyen 307 Akta Tarif menyatakan bahawa: “*Semua barangan, perkakas, benda, dan barang dagangan yang dilombong, dihasilkan atau dikilangkan sepenuhnya atau sebahagiannya di mana-mana negara asing oleh buruh banduan atau/dan buruh paksa atau/dan buruh indentur di bawah sanksi hukuman. tidak berhak untuk masuk ke mana-mana pelabuhan di Amerika Syarikat, dan pengimportannya dengan ini adalah dilarang...*”⁴

CBP ialah Agensi Persekutuan AS yang ditetapkan untuk menguatkuasakan peruntukan ini.⁵ CBP boleh melaksanakan kuasanya untuk bertindak atas inisiatifnya sendiri, atau sebagai tindak balas terhadap maklumat yang terkandung dalam petisyen yang dikemukakan oleh pihak ketiga (satu Petisyen).⁶

Terdapat mekanisme penguatkuasaan dua peringkat di bawah Akta Tarif. Pada peringkat pertama, CBP akan memutuskan untuk melancarkan penyiasatan sama ada atas inisiatif sendiri atau sebagai tindak balas terhadap satu Petisyen. Berikutan penyiasatan itu, jika CBP mendapati maklumat telah menunjukkan secara munasabah bahawa barangan yang termasuk dalam Seksyen 307 Akta Tarif sedang, atau berkemungkinan, diimport ke AS, CBP akan mengeluarkan 'perintah penahanan pelepasan' (**WRO**) berkenaan dengan barang tersebut. WRO, seperti namanya, menghalang barangan yang terangkum di bawah perintah yang berada di pelabuhan AS daripada dilepaskan ke AS.⁷ Dalam erti kata lain, WRO menghalang barangan daripada memasuki pasaran AS melalui kemudahan pelabuhan AS. Pengimport barangan itu, bagaimanapun, masih boleh mengeksport semula barangan tersebut keluar dari pelabuhan AS ke destinasi lain.⁸

Pada peringkat kedua, jika CBP kemudiannya menentukan bahawa barang yang berkaitan adalah tertakluk kepada Seksyen 307, CBP akan – dengan kelulusan Setiausaha Perbendaharaan – mengumumkan dapatan mengenainya. (**Dapatan**).⁹ Barangan yang dirangkum oleh Dapatan itu akan dinafikan kemasukan ke mana-mana pelabuhan AS, pengimportannya ke AS akan dilarang, dan mana-mana barangan sedemikian di pelabuhan AS mungkin akan dirampas dan dilucuthakkan.¹⁰ Dalam kebanyakan kes, CBP tidak mengeluarkan Dapatan. Sehingga Februari 2023, terdapat 53 WRO yang aktif tetapi hanya sembilan Dapatan.¹¹

CBP juga mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti sivil (mis., denda) ke atas pengimport yang membawa masuk atau memperkenalkan (atau cuba berbuat demikian) barangan ke dalam pasaran AS yang bertentangan dengan undang-undang – yang akan termasuk melanggar sesuatu WRO atau Dapatan. Sehingga Disember 2022, CBP hanya mengeluarkan satu denda sedemikian terhadap pengimport kerana mengimport barang yang diliputi oleh sesuatu WRO atau Dapatan.¹²

4 19 USC 4 §1307

5 19 CFR Seksyen Kecil 12.42

6 19 CFR Seksyen Kecil 12.42(a) dan (b)

7 19 CFR Seksyen Kecil 12.42(e)

8 19 CFR Seksyen Kecil 12.42(e)

9 19 CFR Seksyen Kecil 12.42(f)

10 19 CFR Seksyen Kecil 12.42(f); Seksyen Kecil 12.42(f);

11 CBP, *Senarai Perintah Penahanan Pelepasan dan Dapatan*

12 CBP (13 Ogos 2022) *CBP telah mengutip \$575,000 daripada Pure Circle U.S.A. untuk Impot Stevia yang dihasilkan dengan Buruh Paksa*

1. Pengenalan

'Akses kepada Remedi' berbanding 'Pemulihan'

Apakah remedi atau akses kepada remedi?

Di bawah Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (**UNGPs**) 'remedi' merujuk kepada pemberian remedi substantif kepada orang yang hak asasi manusianya telah dicabuli untuk membantu memampasi kemudaratan itu. Ia merujuk kepada kedua-duanya: "(a) proses memberikan remedi untuk kesan buruk hak asasi manusia, dan (b) hasil substantif yang boleh mengatasi, atau memampasi kesan buruk. Hasil ini mungkin mengambil pelbagai bentuk yang berbeza, seperti permohonan maaf, pemulangan, pemulihan, pampasan kewangan atau bukan kewangan, dan sanksi punitif (sama ada jenayah atau pentadbiran, seperti denda), serta pencegahan mudarat melalui, contohnya, injunksi atau jaminan tidak berulang".¹³

'Pemulihan' di bawah Akta Tarif 1930

'Pemulihan' juga merupakan istilah yang digunakan oleh CBP dalam konteks membuat keputusan sama ada untuk 'menarik balik' larangan import di bawah Seksyen.307 Akta Tarif.¹⁴ Digunakan dalam konteks ini, ia mempunyai makna yang berbeza dengan definisi UNGP di atas.

Pengubahsuaian dan pembatalan adalah dua cara CBP boleh 'menarik balik' WRO atau Dapatan.¹⁵ 'Pengubahsuaian' ialah penggantungan sebahagian atau keseluruhan penguatkuasaan WRO atau Dapatan, manakala 'Pembatalan' ialah *penyingkiran keseluruhan* WRO atau Dapatan.¹⁶

Dalam dokumen panduannya, CBP menyatakan bahawa ia "*tidak akan mengubah suai atau membatalkan [WRO] melainkan semua penunjuk buruh paksa dipulihkan*".¹⁷ Walau bagaimanapun, dokumen panduan ini tidak mentakrifkan 'Pemulihan' secara khusus. Istilah 'Pemulihan' juga tidak digunakan dalam Akta Tarif atau Peraturan Persekutuan yang digubal di bawahnya. Dalam amalan, CBP menggunakan istilah 'Pemulihan' untuk menerangkan proses menyingkir penunjuk buruh paksa (khususnya, 11 Penunjuk Buruh Paksa ILO), dan bukannya *pemberian remedi* kepada pemegang hak yang terjejas. Walaupun kedua-dua konsep adalah serupa, ianya tidak sama.

Untuk membezakan antara kedua-dua konsep ini, istilah 'remedi' digunakan untuk menandakan definisi UNGP di atas, manakala istilah '**Pemulihan**' merujuk kepada konsep pemulihan CBP (iaitu, penyingkiran penunjuk ILO buruh paksa)

13 Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OHCHR) (2012) *Tanggungjawab Korporat untuk Menghormati Hak Asasi Manusia, Panduan Tafsiran*, halaman 7

14 Lihat: CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*; CBP (Oktober 2021) *Bagaimana pengubahsuaian dan pembatalan WRO dan/atau dapatan diproses?*

15 CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*; CBP (Oktober 2021) *Bagaimana pengubahsuaian dan pembatalan WRO dan/atau dapatan diproses?*; ILO (1 Oktober 2012) *Penunjuk Buruh Paksa ILO*

16 CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*; CBP (Oktober 2021) *Bagaimana pengubahsuaian dan pembatalan WRO dan/atau dapatan diproses?*

17 CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*.

2. Metodologi

- 2.1 Laporan itu mengkaji hubungan antara larangan import di bawah Akta Tarif, dan pemberian remedi kepada pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas. Ia mempertimbangkan:
- Bagaimanakah konsep 'pemulihan' difahami dan diaplikasikan di bawah Akta Tarif?
 - Jika sebuah syarikat adalah tertakluk kepada larangan import, apakah langkah yang diambil oleh syarikat itudan pelaku lain sebagai tindak balas terhadap larangan tersebut untuk menangani isu buruh paksa?
 - Sejauh manakah langkah-langkah tersebut telah membawa kepada pemberian remedi untuk pekerja dalam keadaan buruh paksa dan pemegang hak lain yang terjejas? Apakah remedi yang diberikan, dan apakah kesannya?
 - Apakah faktor yang menyokong atau menjejaskan keberkesanan larangan import sebagai alat untuk memberikan remedi kepada pekerja dalam keadaan buruh paksa dan pemegang hak lain yang terjejas?
- 2.2 Laporan itu mempertimbangkan isu-isu ini melalui lensa sembilan kajian kes kejadian di mana sebuah syarikat telah memohon supaya larangan import buruh paksa yang dikenakan di bawah Akta Tarif ditarik balik. Kajian kes ini telah dibangunkan melalui temu bual dengan 53 pekerja dalam syarikat dan industri yang terjejas secara langsung oleh larangan import, serta kesatuan sekerja, kumpulan masyarakat sivil dan pakar bebas dari seluruh dunia, ditambah dengan penyiasatan lapangan dan penyelidikan berasaskan meja.

RUMUSAN KAJIAN KES

Bidang kuasa	Industri	Entiti atau industri Subjek
Brazil	Hitam tulang/arang tulang	Bonechar Carvão Ativado Do Brasil Ltda (" Bonechar ")
India	Pakaian	Natchi Apparels (P) Ltd.
Malaysia	Minyak sawit	FGV Holdings Bhd
Malaysia	Minyak sawit	Sime Darby Plantation Bhd
Malaysia	Sarung tangan pakai buang	Top Glove Corporation Bhd
Malawi	Tembakau	Tobacco produced in Malawi and products containing tobacco produced in Malawi
Nepal	Permaidani, produk bulu biri simpul tangan	Kumar Carpet Pvt., Singhe Carpet Pvt., Ltd., Norsang Carpet Industries Pvt., Ltd., Annapurna Carpet, Everest Carpet, Valley Carpet, and K.K. Carpet Industries Kathmandu
Kapal nelayan: <i>Da Wang</i>	Penangkapan ikan laut jauh	Kapal nelayan: <i>Da Wang</i>
Thailand	Jaring penangkap ikan	Khon Kaen Fishing Net Factory Co., Ltd Dechapanich Fishing Net Factory Ltd.

3. Rumusan Dapatan Utama

A. Bagaimanakah konsep 'Pemulihan' difahami dan diaplikasikan di bawah mekanisme Akta Tarif?

Dalam konteks Akta Tarif, 'Pemulihan' merujuk kepada penyingkiran penunjuk buruh paksa, dan bukannya pemberian remedi substantif kepada orang dalam keadaan buruh paksa.

- 3.1 CBP menggunakan istilah 'Pemulihan' apabila ia membuat keputusan mengenai sama ada hendak memansuh atau mengubah WRO atau Dapatan.¹⁸ WRO atau Dapatan boleh dimansuhkan dalam salah satu daripada dua cara:
- (a) 'Pengubahsuaian' ialah penggantungan sebahagian atau keseluruhan penguatkuasaan WRO atau Dapatan. Contohnya, WRO boleh diubah suai untuk mengecualikan syarikat atau produk tertentu daripada skopnya.¹⁹
 - (b) 'Pembatalan' ialah penyingkiran keseluruhan WRO atau Dapatan, berdasarkan penentuan oleh CBP bahawa pelaku atau entiti yang tertakluk kepada WRO atau Dapatan tidak terlibat dalam kerja paksa.²⁰
- 3.2 Dalam dokumen panduannya, CBP menyatakan bahawa ia "*tidak akan mengubah suai atau membatalkan [WRO] melainkan semua penunjuk buruh paksa dipulihkan.*"²¹ Walau bagaimanapun, dokumen panduan ini tidak mentakrifkan 'Pemulihan' secara khusus. Istilah 'Pemulihan' juga tidak digunakan dalam Akta Tarif atau Peraturan Persekutuan yang digubal di bawahnya.
- 3.3 Dalam amalan, CBP menggunakan istilah 'Pemulihan' untuk menerangkan proses *menyingkirkan penunjuk* buruh paksa (khususnya, 11 Penunjuk Buruh Pakso ILO), dan bukannya *pemberian remedi* kepada pemegang hak yang terjejas. Walaupun kedua-dua konsep adalah serupa, ianya tidak sama.
- 3.4 Sebagai contoh, dalam banyak kajian kes yang dikaji dalam Laporan, ikatan hutang (cth., yang timbul daripada pembayaran yuran pengambilan oleh pekerja migran merupakan penunjuk utama buruh paksa yang dikenal pasti oleh CBP. Sebagai tindak balas, sesetengah syarikat membayar balik yuran pengambilan kepada pekerja migran untuk 'Memulih' (iaitu, menyingkirkan) penunjuk buruh paksa ini. Pembayaran balik yuran pengambilan boleh membantu 'Memulih' (iaitu, menyingkir) penunjuk untuk kerja paksa dengan mengeluarkan pekerja daripada situasi yang berpotensi ikatan hutang. Walau bagaimanapun, *pembayaran balik* yuran pengambilan – walaupun langkah yang sangat penting – tidak sama dengan menawarkan *pampasan* kepada pekerja yang telah tertakluk kepada kerja paksa melalui ikatan hutang.²²

18 Lihat: CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*; CBP (Oktober 2021) *Bagaimana pengubahsuaian dan pembatalan WRO dan/atau dapatan diproses?*

19 Ibid.

20 Ibid.

21 CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*;

22 Dalam sesetengah kes, pekerja migran yang ditemu bual untuk Laporan melaporkan bahawa pembayaran balik yuran pengambilan yang mereka terima adalah lebih tinggi daripada yuran pengambilan sebenar yang mereka telah bayar. Lebihan ini boleh dianggap sebagai mempunyai beberapa nilai pampasan untuk pekerja, tetapi ia tidak sama dengan bayaran yang bertujuan khusus untuk membayar pampasan kepada pekerja kerana telah tertakluk kepada keadaan buruh paksa.

3. Rumusan Dapatan Utama

3.5 Selanjutnya, Pemulihan penunjuk buruh paksa tidak selalunya membawa kepada pemberian remedi kepada individu. Sebagai contoh, pada tahun 2020, CBP mengubah suai WRO yang dikenakan keatas dua buah syarikat tembakau di Malawi berdasarkan penilaian terhadap "*program pematuhan sosial dan usaha untuk meminimumkan risiko buruh paksa daripada rantaian bekalannya*"²³ setiap syarikat itu. Bagaimanapun, menurut pekerja tembakau yang ditemu bual untuk Laporan itu, tiada remedi diberikan kepada pekerja sebagai tindak balas terhadap larangan import.

Tidak selalunya jelas apakah standard pembuktian yang diaplikasikan oleh CBP untuk memutuskan bahawa penunjuk buruh paksa telah dipulihkan dengan secukupnya.

- 3.6 CBP nampaknya telah menerima pakai piawaian yang berbeza dalam kes yang berbeza untuk memutuskan sama ada sebuah syarikat telah Memulihkan (iaitu menyingkirkan) penunjuk buruh paksa secara mencukupi.
- 3.7 Dalam kenyataan akhbar pada 3 Februari 2023, CBP menyatakan bahawa ia "*tidak mengubah suai Perintah Penahanan Pelepasan atau Dapatan sehingga agensi itu mempunyai bukti yang menunjukkan bahawa barang dagangan subjek tidak lagi dihasilkan, dikilang atau dilombong menggunakan buruh paksa.*"²⁴ Walau bagaimanapun, ia tidak selalu kelihatan mengaplikasikan piawaian ini.
- 3.8 Yang paling ketara ialah pada November 2019, CBP mengenakan larangan import tembakau dari Malawi "*disebabkan kekhawatiran bahawa tembakau itu dihasilkan dengan menggunakan buruh paksa dan buruh kanak-kanak.*"²⁵ Pada Jun dan Ogos 2020, CBP mengubah suai larangan import berkaitan dua syarikat membeli daun tembakau terbesar di Malawi, berdasarkan "*usaha mereka untuk mengenal pasti dan meminimumkan risiko buruh paksa*" – yang CBP menyatakan "*menyokong dengan secukupnya*" tuntutan kedua-dua syarikat itu bahawa tembakau dari ladang mereka tidak dihasilkan dengan menggunakan buruh paksa.²⁶
- 3.9 Oleh itu, keputusan CBP untuk mengubah suai larangan import berkenaan dengan tembakau dari Malawi nampaknya menerima pakai piawaian yang berbeza daripada yang digunakan dalam kes-kes lain. Dalam kes Malawi, CBP nampaknya telah menggunakan pendekatan berasaskan risiko – hanya memerlukan syarikat menunjukkan "*usaha untuk mengenal pasti dan meminimumkan risiko buruh paksa*" (penekanan ditambah).²⁷ Ini nampaknya berbeza daripada piawaian yang diterima pakai oleh CBP dalam kes-kes lain, di mana ia memerlukan syarikat untuk menunjukkan "*bahawa barang dagangan subjek tidak lagi dihasilkan, dikilang atau dilombong, menggunakan buruh paksa*" (penekanan ditambah).²⁸

23 CBP (3 Jun 2020) [CBP Mengubahsuai Perintah Pelepasan Penahan atas Impot Tembakau dari Malawi](#)

24 CBP (3 Februari 2023) [CBP Mengubahsuai Dapatan ke atas Sime Darby Plantation Berhad di Malaysia](#)

25 CBP (1 Ogos 2020) [CBP Mengubahsuai Perintah Pelepasan Penahanan atas Import Tembakau dari Limbe Leaf Tobacco Company Ltd. di Malawi](#)

26 CBP (3 Jun 2020) [CBP Mengubahsuai Perintah Pelepasan Penahanan atas Import Tembakau dari Malawi](#)

27 CBP (3 Februari 2023) [CBP Mengubahsuai Dapatan Sime Darby Plantation Berhad di Malaysia](#)

28 CBP (3 Februari 2023) [CBP Mengubahsuai Dapatan ke atas Sime Darby Plantation Berhad di Malaysia](#)

3. Rumusan Dapatan Utama

B. Di mana sebuah syarikat adalah tertakluk kepada larangan import, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh syarikat dan pelaku lain sebagai tindak balas terhadap larangan untuk menangani isu buruh paksa?

Dalam beberapa kes, larangan import telah membawa kepada pembaharuan peringkat undang-undang, dasar dan operasi yang besar untuk menangani buruh paksa dalam rantaian bekalan

- 3.10 Larangan import di bawah Akta Tarif telah memberi impak yang luas, dan ia sering menjadi pemangkin untuk mendorong perubahan pesat dalam industri yang sentiasa menentang pembaharuan.
- 3.11 Sebagai tindak balas terhadap larangan import sebenar atau terancam, syarikat dalam industri sarung tangan getah dan minyak sawit di Malaysia telah komited untuk membayar balik yuran pengambilan lebih daripada USD 115.4 juta kepada hampir 82,000 pekerja migran,²⁹ inisiatif kelestarian korporat baharu seperti Perikatan Sarung Tangan Bertanggungjawab telah dilancarkan. mekanisme rungutan pekerja telah diperkukuhkan, dan dasar pengambilan, tadbir urus korporat dan kelestarian telah menjalani pembaharuan.

29 Keadah menghitung angka ini dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Laporan.

3. Rumusan Dapatkan Utama

Komitmen yang dilaporkan oleh syarikat pengeluar minyak sawit dan sarung tangan di Malaysia untuk membayar balik yuran pengambilan yang dibayar oleh pekerja asing

Syarikat	Pembayaran balik yang dibuat / Komited (Anggaran)	Anggaran bilangan pekerja yang layak
Sime Darby ³⁰	RM 82 juta (USD 18.2 juta)	34,000
Top Glove ³¹	RM 150 juta (USD 33.3 juta)	13,000
Kossan Group ³²	RM 54 juta (USD 11.2 juta)	5,500
Hartalgea ³³	RM 41 juta (USD 9.1 juta)	Tidak didedahkan
Supermax ³⁴	RM 23 juta (USD 5.1 juta)	1,750
Brightway ³⁵	RM 38 juta (USD 8.4 juta)	2,719
WRP ³⁶	RM 21.4 juta (USD 4.7 juta)	1,600
FGV ³⁷	RM 111.64 juta (USD 24.9 juta)	23,333 + bekas pekerja
Jumlah	RM 521 juta (USD 115.4 juta)	81,902

3.12 Tindakan penguatkuasaan CBP juga telah menyebabkan tindakan undang-undang. Sebagai tindak balas terhadap larangan import, tindakan undang-undang sivil susulan telah dibawa di AS dan UK terhadap syarikat yang didakwa mendapat keuntungan daripada, atau memperoleh produk daripada syarikat yang tertakluk kepada larangan import.³⁸ Di Taiwan, larangan import telah mendorong pendakwaan terhadap orang yang dikatakan sebagai pelaku pemerdagangan dan buruh paksa di atas kapal nelayan *Da Wang*, dan lessen tuan empunya kapal itu telah dibatalkan.³⁹

30 Sime Darby Plantation Bhd (15 Februari 2022) *Sime Darby Plantation Memulakan Perubahan Yang Menyeluruh dalam Tadbir Urus dan Operasi*; Sime Darby Plantation Bhd (21 April 2022) *Laporan Bersepadu Tahunan 2021*, halaman 148; Sime Darby Plantation Bhd (29 April 2022) *Laporan Kelestarian 2021*, halaman 41

31 Top Glove *Laporan Penambahbaikan Berterusan*

32 Kossan Group (10 June 2021) *Program Pemulihan Kossan Group*; The Diplomat (14 September 2021) *Aliran Pembayaran Ikatan Hutang kepada Pekerja dalam Industri Sarung Tangan Malaysia*

33 Hartalega Holdings Bhd (8 June 2021) *Hartalega Menyelesaikan Pemulihan Yuran Pengambilan Berjumlah RM 41 juta*

34 The Diplomat (14 September 2021) *Aliran Pembayaran Ikatan Hutang kepada Pekerja dalam Industri Sarung Tangan Malaysia*

35 Reuters (19 Mei 2021) *Audit memberi petunjuk segalanya sudah selesai. Yang lain mendakwa perhambaan.*

36 FMT (8 Julai 2020) *Pembuat sarung tangan WRP membayar balik yuran pengambilan yang dibayar oleh pekerja.*

37 FGV (27 Februari 2023) *FGV's FY2022 Carta Prestasi Kewangan Rekod Baharu Sejak Penyenaian*

38 Sebagai contoh, pada 2021 CBP mengenakan WRO ke atas pembuat sarung tangan Malaysia Brightway Group atas dakwaan buruh paksa di syarikat itu. Pada 2022, tuntutan mahkamah telah difailkan di Amerika Syarikat di bawah Akta Pemberiankuasaan Semula Perlindungan Mangsa Pemerdagangan terhadap syarikat peralatan kesihatan dan keselamatan Ansell dan syarikat penjagaan peribadi Kimberly-Clark berhubung dakwaan hubungan syarikat dengan Brightway. Lihat: Ansell (11 Ogos 2022) *Saman TVPRA Terhadap Ansell*; Peguambela Hak Antarabangsa, *Kes: Kimberly Clark dan Ansell*

39 Pejabat Pendakwa Daerah Kaohsiung (17 Mei 2022) *Pejabat Pendakwa Daerah Kaohsiung Mendakwa 9 Orang kerana Mengeksploitasi and Mendera Krew Asing atas Sebuah Kapal Nelayan Tali Panjang, "Da Wang", Bertentangan Akta Pencegahan Pemerdagangan Manusia.*

3. Rumusan Dapatan Utama

- 3.13 Larangan import juga telah mendorong perubahan undang-undang dan dasar. Di Taiwan, larangan import membantu mendorong Pelan Tindakan rasmi untuk Perikanan dan Hak Asasi Manusia diterima pakai – yang termasuk kenaikan gaji minimum bulanan sebanyak AS\$100 untuk pekerja penangkapan ikan laut jauh.⁴⁰
- 3.14 Di Thailand, sebagai tindak balas terhadap ancaman larangan import, Kerajaan Diraja Thailand telah komited untuk menamatkan pembuatan jaring penangkap ikan yang menggunakan buruh penjara⁴¹ – justeru menawarkan contoh bagaimana penggunaan Petisyen CBP yang kreatif dan tersasar terhadap syarikat swasta boleh menjadi alat yang berkesan untuk menangani buruh paksa yang dikenakan oleh kerajaan dalam kes-kes tertentu.
- 3.15 Di Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan kepada undang-undang dan dasar buruh berikutan satu siri larangan import terhadap pembuat sarung tangan dan syarikat minyak sawit – termasuk perlindungan yang lebih baik untuk pekerja migran, dan penciptaan kesalahan jenayah buruh paksa yang baharu.⁴² Walaupun tidak mungkin untuk mengaitkan secara langsung semua pembaharuan ini dengan kesan larangan import – larangan import mungkin telah memangkinkan penerimaan yang lebih pesat terhadap pembaharuan ini.
- 3.16 Secara lebih luas, pihak berkepentingan melaporkan bahawa tindakan penguatkuasaan CBP sedang mendorong perubahan dalam cara syarikat mengendalikan buruh paksa dalam rantai bekalan mereka – walaupun dalam syarikat yang tidak terjejas secara langsung oleh larangan import: *"larangan import sedang mendorong perubahan besar dalam pematuhan sosial kerana implikasi komersial yang besar...Apa yang boleh diterima sebagai amalan standard, walaupun empat tahun lalu, bukan lagi amalan yang baik."*⁴³
- 3.17 Dalam sesetengah kes, larangan import juga telah menaikkan buruh paksa dalam rantai bekalan sebagai isu di peringkat lembaga yang diambil serius oleh pengurusan peringkat kanan. Sebagai contoh, dalam bertindak balas terhadap WRO, Jawatankuasa Kelestarian peringkat Lembaga Pengarah syarikat minyak sawit Malaysia Sime Darby Plantation mengawasi Pemulihan buruh paksa, dan meningkatkan kekerapan mesyuaratnya kepada dua minggu sekali, serta memperkenalkan kad skor ESG dalaman baharu untuk menjejak dan mengukur prestasinya dalam penyelesaian isu buruh.⁴⁴
- 3.18 Dalam kes-kes lain, larangan import tidak mempunyai kesan langsung yang boleh dilihat dari segi menambah baik keadaan kerja, mengubah dasar dan amalan syarikat, atau memacu pembaharuan undang-undang dan dasar. Ini adalah ketara dalam kes Malawi dan Nepal – di mana pihak berkepentingan secara amnya tidak melaporkan bahawa larangan import telah menjadi pemacu utama perubahan dalam keadaan bekerja, amalan syarikat, atau landskap undang-undang dan dasar negara untuk menangani buruh paksa.⁴⁵

40 Majlis Pertanian (Mei 2022) [Pelan Tindakan untuk Perikanan dan Hak Asasi Manusia](#)

41 abatan Koreksi (1 Mac 2021) [Jabatan Koreksi mereformasikan buruh banduan mengikut standard hak asasi manusia](#)

42 Akta Pekerjaan (Pindaan) 2023

43 Temu Bual dengan Jen Jahnke, Pengarah Bersekutu, Impactt Limited

44 Sime Darby Plantation (15 Februari 2022) [Sime Darby Plantation Memulakan Perubahan Yang Menyeluruh dalam Tadbir Urus dan Operasi](#); Sime Darby Plantation Bhd (21 Mac 2022) [Sesi kemaskini: Larangan \(Dapatan\) yang dikeluarkan oleh Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat ke atas Sime Darby Plantation](#), halaman 24; Sime Darby Plantation (15 Februari 2022) [Sime Darby Plantation Memulakan Perubahan Yang Menyeluruh dalam Tadbir Urus dan Operasi](#)

45 Ini tidak bermakna tiada pembaharuan atau penambahbaikan seperti itu. Sebaliknya, tiada bukti yang jelas bahawa sebarang pembaharuan dan penambahbaikan sedemikian boleh dikaitkan secara langsung dengan kesan larangan import.

3. Rumusan Dapatan Utama

C. Sejauh manakah langkah-langkah tersebut telah membawa kepada pemberian remedi untuk orang dalam keadaan buruh paksa dan orang lain yang terjejas? Apakah remedi yang diberikan dan apakah kesannya?

Larangan import telah menghasilkan pemberian remedi yang ketara kepada orang dalam keadaan buruh paksa –termasuk komitmen oleh syarikat untuk membayar balik yuran pengambilan sebanyak USD 115.4 juta kepada hampir 82,000 pekerja asing di Malaysia. Tetapi selain daripada pembayaran balik yuran pengambilan, tidak banyak bentuk remedi langsung lain telah diberikan.

- 3.19 Laporan itu berusaha untuk mengenal pasti pelbagai bentuk remedi yang diberikan kepada pekerja dan pemegang hak yang terjejas sebagai tindak balas terhadap larangan import. Jadual di bawah memetakan remedi⁴⁶ yang berbeza yang dikenal pasti dalam setiap kajian kes yang diperiksa.
- 3.20 Jadual ini menyerlahkan keadaan di mana terdapat bukti yang menunjukkan bahawa remedi yang diberikan itu telah diberikan kepada pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas. Jadual itu tidak menunjukkan sama ada remedi tersebut berkesan atau mencukupi dari perspektif penerima, kerana ini tidak mungkin dapat disahkan dalam setiap kes.
- 3.21 Pelbagai sumber maklumat telah digunakan untuk menyusun jadual di bawah. Di mana boleh, sumber utama bukti ialah temu bual dengan pekerja yang terjejas dan pemegang hak itu sendiri. Ini ditambah dengan sumber sekunder – termasuk laporan audit, pengumuman dan penerbitan syarikat, dan liputan media bebas. Jadual di bawah menggunakan warna untuk membezakan maklumat yang dilaporkan oleh sumber yang berbeza.
- (a) Butiran dalam warna hijau adalah remedi yang pekerja dan pemegang hak yang ditemu bual melaporkan bahawa mereka telah terima.
 - (b) Butiran dalam warna kuning ialah remedi yang dilaporkan oleh syarikat atau kerajaan yang telah mereka berikan (cth., dalam siaran akhbar, penerbitan dan laporan audit), tetapi tidak dapat disokong oleh temu bual pekerja. Ini mungkin kerana temu bual pekerja tidak dapat dijalankan, atau kerana orang yang ditemu bual tidak dapat mengulas sama ada remedi itu telah diberikan (cth., kerana mereka tidak lagi bekerja di syarikat atau industri yang berkenaan pada masa remedi itu dilaporkan telah diberikan).
 - (c) Butiran dalam warna jingga ialah remedi yang dilaporkan oleh syarikat atau kerajaan yang telah mereka berikan, tetapi pekerja yang ditemu bual untuk Laporan itu tidak mengesahkan bahawa ia telah diberikan kepada mereka. Dalam erti kata lain, terdapat percanggahan antara remedi yang dilaporkan sebagai telah diberikan oleh syarikat atau kerajaan, dan remedi yang dilaporkan oleh pekerja bahawa mereka telah menerimanya.

⁴⁶ Senarai remedi diperoleh daripada bentuk remedi yang diperhatikan sebagai telah diberikan dalam kajian kes yang berbeza, serta panduan tafsiran OHCHR kepada UNGP. Lihat: Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OHCHR) (2012) *Tanggungjawab Korporat untuk Menghormati Hak Asasi Manusia*, Panduan Tafsiran, halaman 7

3. Rumusan Dapatan Utama

Rumusan Pemulihan yang Dijalankan sebagai Tindak Balas Terhadap Larangan Import

Hijau: Pemulihan dilaporkan sendiri, dan disokong oleh temu bual pekerja yang dikendalikan untuk Laporan

Biru: Pemulihan dilaporkan sendiri, dan tidak disokong oleh temu bual pekerja yang dikendalikan untuk Laporan

Kuning: Pemulihan dilaporkan sendiri, dan temu bual pekerja tidak dapat dikendalikan untuk Laporan

Status	WRO/Dapatan diubahsuai/dimansuh				WRO/Dapatan tidak diubahsuai/dimansuh		Tiada WRO/Dapatan
Kajian kes⁴⁷	Malaysia Sarung Tangan Getah (Top Glove)*	Malawi Tembakau	Nepal Permaidani (Annapurna Carpet)*	Malaysia Minyak Sawit (Sime Darby)	Malaysia Minyak Sawit (FGV Holdings)	Perikanan perairan jarak jauh (kapal <i>Da Wang</i>)	Thailand Jaring Penangkap Ikan

Permohonan maaf							
Pampasan / ganti rugi	Kuning						
Pemulihan							
Bayaran balik yuran pengambilan	Kuning			Hijau	Kuning		
Jaminan tidak berulang							
Keadaan hidup dan pekerjaan yang bertambah baik	Kuning		Kuning	Hijau		*melalui pembaharuan Kerajaan, bukan pemulihan oleh syarikat	*melalui pembaharuan Kerajaan, bukan pemulihan oleh syarikat
pengambilan/pekerjaan yang bertambah baik	Kuning		Kuning	Hijau		*melalui pembaharuan Kerajaan, bukan pemulihan oleh syarikat	*melalui pembaharuan Kerajaan, bukan pemulihan oleh syarikat
Kebertanggung-jawapan undang-undang untuk pelaku						Hijau	
Saluran rungutan yang bertambah baik	Kuning		Kuning	Hijau			

*Temu bual pekerja tidak dijalankan untuk tujuan Laporan

47 Dua kajian kes – Natchi Apparel dan Bonechar – tidak termasuk dalam jadual. Dalam kedua-dua kes ini, WRO yang berkenaan telah diubah suai oleh CBP selepas menerima bukti bahawa sebenarnya tiada buruh paksa dalam operasi syarikat masing-masing, dan oleh itu tiada pemulihan dijalankan.

3. Rumusan Dapatan Utama

3.22 Seperti yang dirumuskan dalam jadual di atas:

- (a) Dalam satu kes, Laporan itu tidak mengenal pasti bukti yang jelas bahawa Pemulihan telah dijalankan, atau remedi telah diberikan kepada pemegang hak individu sebagai tindak balas terhadap larangan import.⁴⁸
- (b) Dalam empat kes, terdapat bukti bahawa Pemulihan telah dijalankan oleh syarikat berkenaan untuk menyingkirkan penunjuk buruh paksa sebagai tindak balas terhadap larangan import. Ini termasuk melalui penambahbaikan dasar syarikat dan sistem tadbir urus, melabur dalam penginapan pekerja yang lebih baik. Tetapi tiada bukti jelas bahawa remedi telah diberikan kepada pemegang hak individu sebagai sebahagian daripada usaha tersebut.⁴⁹
- (c) Dalam dua kes, terdapat bukti bahawa Pemulihan telah dijalankan oleh syarikat yang berkaitan untuk menyingkirkan penunjuk buruh paksa sebagai tindak balas terhadap larangan import, dan remedi telah diberikan kepada pemegang hak individu sebagai sebahagian daripada proses tersebut.⁵⁰ Dalam kedua-dua kes, remedi individu telah diberikan dalam bentuk pembayaran balik yuran pengambilan. Di samping itu, dalam salah satu kes ini, remedi individu ditawarkan dalam bentuk pampasan untuk pekerja yang telah berada dalam keadaan buruh paksa.⁵¹

3.23 Selain daripada pembayaran balik yuran pengambilan kepada pekerja migran di Malaysia, tidak banyak bentuk remedi langsung yang lain telah diberikan kepada pemegang hak yang terjejas. Sebagai contoh, Laporan itu mengenal pasti hanya satu contoh di mana sebuah syarikat telah komited secara terbuka untuk membayar pampasan kepada pekerja yang telah berada dalam keadaan buruh paksa.

3.24 Dalam banyak kes, syarikat telah bertindak balas terhadap larangan import dengan memperkenalkan perubahan kepada dasar dan amalan pengurusan, hak asasi manusia, pengambilan dan pekerjaan mereka. Perubahan dasar ini boleh terdiri daripada satu bentuk remedi yang memandang ke hadapan, prospektif – kerana ia boleh membantu memastikan pekerja pada masa hadapan tidak akan mengalami bentuk kemudaratan yang serupa. Sebagai contoh, syarikat dilaporkan telah memperkenalkan pembaharuan kepada dasar dan amalan pengambilan dan pekerjaan mereka (lima daripada tujuh kajian kes), dan mengukuhkan mekanisme rungutan pekerja (empat daripada tujuh kajian kes).

3.25 Walau bagaimanapun, pembaharuan dasar yang dijanjikan tidak selalunya diterjemahkan kepada kehidupan dan keadaan kerja yang lebih baik dalam pengalaman pekerja yang ditemu bual untuk Laporan tersebut. Dalam sekurang-kurangnya tiga kajian kes, terdapat percanggahan yang dikenal pasti antara remedi yang syarikat melaporkan bahawa telah diberikan dan pengalaman pekerja yang ditemu bual untuk Laporan.

Dalam kajian kes yang diperiksa, larangan import pada umumnya tidak mengakibatkan kehilangan pekerjaan atau kesan buruk ekonomi lain kepada pekerja.

48 Tembakau, Malawi

49 Minak sawit, Malaysia (FGV Holdings), permaidani, Nepal (Annapurna Carpet), perikanan peairan jarak jauh (kapal Da Wang), Thailand, jaring penangkap ikan

50 Malaysia, minyak sawit (Sime Darby), Malaysia, sarung tangan getah (Top Glove). Dalam sesetengah kes, pekerja asing yang ditemu bual untuk laporan ini melaporkan bahawa bayaran balik yuran pengambilan yang mereka terima adalah lebih banyak daripada yuran pengambilan sebenar yang mereka bayar. Lebihan ini mungkin dianggap mempunyai beberapa nilai pampasan untuk pekerja, tetapi ia tidak sama dengan bayaran yang bertujuan khusus untuk membayar pampasan kepada pekerja kerana telah tertakluk kepada keadaan kerja paksa.

51 Malaysia, sarung tangan getah (Top Glove)

3. Rumusan Dapatan Utama

- 3.26 Pemerhati telah menyatakan bahawa larangan import boleh berpotensi menyebabkan kemudaratan ekonomi kepada pekerja di syarikat dan industri yang terjejas (mis., disebabkan oleh pengurangan pesanan atau penutupan kilang). Larangan import juga mungkin menggalakkan syarikat antarabangsa untuk mengundur atau melepaskan diri daripada syarikat atau industri yang membawa risiko tinggi buruh paksa, dan bukannya berusaha untuk menangani punca utama buruh paksa dalam industri atau syarikat itu.⁵² Risiko ini tidak menjadi kenyataan dalam kajian kes yang diperiksa dalam Laporan.
- 3.27 Antara kajian kes yang diperiksa, Laporan itu tidak menemui bukti kehilangan pekerjaan, pengurangan gaji atau kesan buruk lain yang ketara kepada pekerja yang timbul daripada larangan import. Malah, dalam sesetengah kes, larangan import nampaknya tidak sama sekali membawa kepada pengurangan langsung dalam pusing ganti atau keuntungan dalam syarikat yang terjejas (walaupun syarikat ini mengalami kesan buruk komersial dan reputasi yang lain). Ini terutama berlaku di kalangan syarikat yang lebih besar.⁵³
- 3.28 Dalam dua kajian kes (Natchi Apparels di India dan Bonechar di Brazil), larangan import telah menimbulkan risiko kehilangan pekerjaan yang berpotensi dalam syarikat yang terjejas. Walau bagaimanapun, dalam kedua-dua kes, larangan import telah diubah suai dengan cepat dan ditarik balik sebelum potensi kesan buruk itu boleh berlaku. Sebagai contoh, dalam kes Natchi Apparels, CBP mengubah suai WROnya dalam masa kurang daripada enam minggu selepas kumpulan masyarakat sivil dan kesatuan sekerja membangkitkan kebimbangan bahawa WRO mungkin mengancam kejayaan pelaksanaan Perjanjian Dindigul – perjanjian mercu tanda jenama boleh dikuatkuasakan yang direka untuk menangani keganasan dan gangguan berasaskan jantina dan kasta di syarikat itu.
- 3.29 Potensi akibat buruk tidak bermakna larangan import tidak boleh digunakan sebagai alat untuk membanteras buruh paksa. Ia juga tidak bermakna bahawa ambang bukti untuk mengenakan larangan import harus dinaikkan. Walau bagaimanapun, potensi kesan buruk yang timbul menyerlahkan keperluan untuk berunding dengan pekerja, pemegang hak dan wakil mereka yang boleh dipercayai⁵⁴ sebagai sebahagian daripada proses membuat keputusan sebelum mengenakan larangan import.⁵⁵

52 Anti-Perhambaan Antarabangsa (Anti-Slavery International) (Jun 2021) *[Kedudukan Anti-Perhambaan dan Pusat Eropah untuk Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia mengenai kawalan import untuk menangani buruh paksa dalam rantaian bekalan](#)*, halaman 4; Makmal Akauntabiliti Korporat (Corporate Accountability Lab) (Ogos 2020) *[Menggunakan Alat Tuan untuk Membuka Rumah Tuan 307 Petisyen sebagai Alat Hak Asasi Manusia](#)*

53 Ada kemungkinan bahawa hasil atau keuntungan syarikat mungkin lebih tinggi jika tidak kerana larangan import – tetapi ini tidak mungkin dapat mengukur dalam skop kajian ini. Juga tidak mungkin dapat menilai, dalam skop kajian ini, kenapa tidak terdapat pengurangan dalam pusing ganti atau keuntungan. Sebagai contoh, syarikat yang terjejas mungkin telah dapat mencari destinasi eksport alternatif untuk produk mereka di luar Amerika Syarikat. Dalam kes lain, syarikat mengalami peningkatan jualan yang ketara akibat pandemik COVID-19 (mis., pembuat sarung tangan getah) yang mungkin telah mengimbangi kesan larangan import.

54 Siapa yang boleh dianggap sebagai wakil pekerja yang boleh dipercayai akan bergantung kepada keadaan. Mereka mungkin termasuk kesatuan sekerja, tetapi dalam beberapa konteks pekerja (dan terutamanya pekerja migran) mungkin dihalang daripada membentuk atau memimpin kesatuan sekerja. Dalam keadaan tersebut, bentuk perwakilan pekerja lain yang boleh dipercayai mungkin sesuai.

55 Anti-Perhambaan Antarabangsa (Anti-Slavery International) (Jun 2021) *[Kedudukan Anti-Perhambaan dan Pusat Eropah untuk Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia mengenai kawalan import untuk menangani buruh paksa dalam rantaian bekalan](#)*

3. Rumusan Dapatan Utama

D. Apakah faktor–faktor yang telah menyumbang kepada, atau menjejaskan, kejayaan penggunaan larangan import sebagai alat untuk memberikan remedi kepada orang dalam keadaan buruh paksa dan orang lain yang terjejas?

Penglibatan proaktif antara CBP dan semua pihak berkepentingan yang berkaitan – terutamanya pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja, masyarakat sivil dan penasihat pihak ketiga yang bebas boleh menyumbang kepada pemberian remedi yang berkesan kepada pemegang hak yang terjejas.

- 3.30 Secara keseluruhan, kajian kes yang dipertimbangkan dalam Laporan mencadangkan bahawa syarikat lebih berkemungkinan menunjukkan bahawa mereka telah memulihkan penunjuk buruh paksa dengan berkesan di mana syarikat mendapat sokongan masyarakat sivil atau penasihat pihak ketiga yang bebas. Khususnya, apabila petisyen untuk pengubahsuaian atau pembatalan larangan import dikemukakan oleh kumpulan masyarakat sivil atau kesatuan sekerja atau mendapat sokongan daripada kumpulan ini, CBP mungkin akan bertindak balas dengan cepat untuk mengubah suai atau menarik balik larangan tersebut.
- 3.31 Penglibatan proaktif antara masyarakat sivil dan CBP juga boleh membantu memastikan bahawa CBP dimaklumkan tentang langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh syarikat untuk menangani buruh paksa secara berkesan dalam operasinya – termasuk remedi khusus yang perlu diberikan kepada pemegang hak yang terjejas. Dalam sesetengah kes, Pempetisyen kepada CBP telah menyenaraikan remedi yang mereka harap diberikan oleh syarikat. Dalam kes lain, kumpulan masyarakat sivil telah menulis kepada CBP untuk mengulas mengenai kecukupan tindakan pembedaan yang dilaksanakan oleh syarikat sebagai tindak balas terhadap larangan import. Kedua-dua bentuk penglibatan boleh membantu menawarkan maklumat yang bernilai kepada CBP untuk membantunya menilai sama ada syarikat telah memulihkan penunjuk buruh paksa dengan mencukupi – termasuk sejauh mana remedi yang mencukupi telah diberikan kepada individu. Ini, seterusnya, berkemungkinan meningkatkan kualiti remedi yang diberikan oleh syarikat.

Tumpuan kepada penyingkiran penunjuk buruh paksa dan bukannya pemberian remedi kepada individu menghalang keberkesanan Akta Tarif sebagai alat untuk menyokong akses kepada remedi bagi orang dalam keadaan buruh paksa

- 3.32 Apabila memutuskan sama ada untuk mengubah suai atau membatalkan WRO atau Dapatan, CBP terutamanya mengambil berat tentang sama ada kesemua 11 penunjuk buruh paksa ILO telah disingkirkan atau tidak lagi terdapat dalam operasi syarikat. Pemberian remedi yang mencukupi kepada pekerja dan pemegang hak yang terjejas adalah sebahagian daripada penilaian sama ada penunjuk buruh paksa telah disingkirkan dengan berkesan, tetapi ia bukan pertimbangan utama CBP.
- 3.33 Tumpuan CBP pada penyingkiran penunjuk buruh paksa, dan bukannya pemberian remedi kepada pekerja individu, mungkin menjejaskan cara syarikat bertindak balas terhadap larangan import. Seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas, maklum balas syarikat terhadap larangan import bercenderung untuk memberi tumpuan kepada perubahan sistem dan peringkat dasar.

3. Rumusan Dapatan Utama

Jika remedi telah diberikan kepada individu, ini bercenderung terhad kepada pembayaran balik yuran pengambilan. Laporan itu mengenal pasti hanya satu kes di mana sebuah syarikat komited secara terbuka untuk membayar pampasan kepada pekerja yang telah berada dalam keadaan buruh paksa.

- 3.34 Seperti yang diperhatikan oleh seorang pihak berkepentingan: "*Kelemahan Akta Tarif ialah tiada pemberian remedi yang khusus.....ketiadaan penunjuk buruh paksa adalah tidak sama dengan pemberian remedi kepada pekerja. Kami mahu melihat pemberian gaji tunggakan, pampasan, sistem untuk mencegah penganiayaan masa depan, akses kepada mekanisme rungutan, pembinaan kapasiti, memastikan kebebasan berpersatuan – itu adalah jenis –jenis langkah yang mahu kita lihat.*"⁵⁶

Usaha Pemulihan Syarikat sebagai tindak balas terhadap larangan import lazimnya direka bentuk dari atas ke bawah, menggunakan pendekatan audit/pematuhan dorongan risiko, dan dengan penglibatan pihak berkepentingan yang terhad – terutamanya dengan pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja dan masyarakat sivil. Ini menghalang keupayaan usaha Pemulihan syarikat untuk mencipta perubahan pada peringkat sistemik, dan menyediakan akses yang lebih baik kepada remedi untuk pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas.

- 3.35 Dalam banyak kajian kes yang diperiksa dalam Laporan, syarikat bertindak balas terhadap larangan import dengan cara yang sama.⁵⁷ Syarikat itu mula-mula menggunakan juruaudit sosial atau penasihat luar untuk menjalankan penilaian garis dasar amalan buruh syarikat dan mengenal pasti penunjuk buruh paksa. Dengan berunding dengan penasihatnya, syarikat itu kemudiannya akan membangunkan pelan tindakan pembedahan untuk menangani penunjuk buruh paksa yang dikenal pasti. Setelah selesai pelan tindakan pembedahan, syarikat akan menjalankan audit selanjutnya untuk mengesahkan pelaksanaan pelan tindakan pembedahan itu. Syarikat itu kemudiannya akan menyerahkan laporan audit kepada CBP untuk menyokong petisyen syarikat untuk mengubah suai atau membatalkan larangan import.
- 3.36 Arah aliran ini, sebahagiannya, berkemungkinan didorong oleh panduan CBP untuk syarikat – yang mencadangkan bahawa petisyen syarikat untuk mengubah suai atau membatalkan larangan import harus disokong oleh laporan audit.⁵⁸ Kebiasaan syarikat dengan pendekatan pengauditan sosial yang dipacu pematuhan ini juga berkemungkinan menyumbang kepada amalan ini.
- 3.37 Laporan itu mendapati bahawa syarikat secara amnya tidak melibatkan pekerja, kesatuan sekerja atau wakil pekerja yang boleh dipercayai, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain secara bermakna apabila mereka merekabentuk pelan tindakan pembedahan sebagai tindak balas terhadap larangan import. Menurut pihak berkepentingan, pelan tindakan pembedahan sebagai tindak balas terhadap larangan import. Menurut pihak berkepentingan, pelan tindakan pembedahan yang dibangunkan sebagai tindak balas terhadap larangan import lazimnya direkabentuk oleh syarikat dan penasihat mereka, dan bukannya secara berunding dengan pekerja dan pihak berkepentingan lain yang terjejas. Dalam sesetengah kes, syarikat telah membentuk jawatankuasa bebas untuk menasihati mereka mengenai tindak balasnya terhadap

56 Temu bual dengan Allison Gill, Pengarah Buruh Paksa, Global Labor Justice–International Labor Rights Forum

57 Corak tingkah laku asas ini boleh diperhatikan, contohnya, dalam kajian kes industri sarung tangan getah dan minyak sawit Malaysia

58 CBP (Mac 2021) *Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO*

3. Rumusan Dapatan Utama

larangan import. Walaupun pembentukan jawatankuasa ini adalah langkah yang dialu-alukan dan progresif, jawatankuasa tersebut secara amnya tidak termasuk pekerja, kesatuan sekerja atau wakil pekerja lain yang boleh dipercayai.⁵⁹

- 3.38 Di Malaysia, beberapa syarikat telah berunding dengan pekerja untuk menyemak jumlah yuran pengambilan yang dibayar oleh mereka, dan untuk mengesahkan bahawa mereka telah menerima pembayaran balik yuran pengambilan seperti yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, Laporan itu tidak mengenal pasti sebarang contoh di mana syarikat telah terlibat secara langsung dalam perundingan awal dengan pekerja untuk mendapatkan pandangan mereka tentang jenis remedi yang pekerja ingin menerima terutamanya.

Syarikat dan CBP amat terus bergantung pada audit sosial sebagai bentuk utama bukti yang digunakan untuk menunjukkan bahawa Pemulihan telah dijalankan

- 3.39 Audit sosial boleh memainkan peranan dalam menyokong syarikat untuk mengenal pasti, mencegah, mengurangkan dan membetulkan risiko buruh paksa dalam rantaian nilai mereka. Walau bagaimanapun, penyelidikan meluas telah menunjukkan bahawa audit sosial yang ditauliahkan oleh syarikat mempunyai kegunaan yang terhad dalam mengenal pasti buruh paksa secara berkesan, dan boleh, sebenarnya, meningkatkan risiko hak asasi manusia.⁶⁰ Terdapat beberapa contoh dalam syarikat yang telah menerima pengesahan daripada audit sosial bahawa semuanya berada dalam keadaan yang baik, sebaliknya telah menerima larangan import di bawah Akta Tarif tidak lama selepas itu disebabkan kehadiran buruh paksa dalam rantaian nilainya.⁶¹
- 3.40 Banyak syarikat yang dipertimbangkan dalam Laporan telah menjalani audit sosial yang kerap, atau telah disahkan oleh badan kelestarian sebelum mereka menerima larangan import. Dalam sesetengah kes, audit sosial ini mengenal pasti risiko buruh paksa sebelum larangan import dikenakan. Bagaimana pun dalam kes-kes lain, mereka tidak berbuat demikian.
- 3.41 Walaupun rekod prestasi pengauditan sosial adalah pelbagai, panduan CBP menyeru syarikat untuk menyerahkan laporan audit untuk mengesahkan bahawa penunjuk buruh paksa telah Dipulihkan.⁶² Oleh itu, panduan CBP berpotensi memberi insentif kepada syarikat untuk membangunkan program Pemulihan dan pelan tindakan pembetulan yang berdasarkan sekitar audit sosial – seperti yang terbukti dalam kebanyakan kajian kes yang dipertimbangkan. Ini, seterusnya, berisiko mengekalkan pendekatan atas ke bawah untuk Pemulihan yang diterangkan di atas.

59 Reuters (14 Julai 2021) [Pakar keluar dari panel Sime Darby Plantation atas kebimbangan ketelusan](#); FMT (14 July 2021) [Pakar keluar dari panel hak asasi manusia Sime Darby Plantation](#); The Business Times (15 Julai 2021) [Sime Darby Plantation Malaysia batalkan panel selepas perletakan jawatan](#); Yayasan Thomson Reuters (Thomson Reuters Foundation) (14 Mac 2021) [NGO keluar dari panel hak asasi Sime Darby Plantation atas tuntutan mahkamah syarikat](#) (Diarkib)

60 Lihat, cth., Human Rights Watch (November 2022) [Taksud Dengan Alat Audit, Terlepas Matlamat](#); Pusat Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia Eropah (European Center for Constitutional and Human Rights), Brot für die Welt, MISEREOR (2021) [Kesesuaian hak asasi manusia dalam industri pengauditan dan pensijilan?](#); Transparentem (2021) [Kemudaratan Tersembunyi: Penipuan Audit dalam Rantaian Bekalan Industri Pakaian dan Kes Terdesak untuk Pembaharuan](#); Clean Clothes Campaign (2019) [Daun Ara untuk Fesyen. Bagaimana pengauditan sosial melindungi jenama dan menggagalkan pekerja](#); SOMO (2022) [Sekeping, bukan satu proksi: Kebergantungan berlebihan Suruhanjaya Eropah yang berbahaya pada skim industri, inisiatif pelbagai pihak berkepentingan, dan pengauditan pihak ketiga dalam Arahan Usaha Wajar Kelestarian Korporat](#)

61 Lihat, cth., The Edge Markets (2 November 2020) [Top Glove diturunkan taraf dari A ke D dalam audit pematuhan sosial — laporan](#); Reuters (19 Mei 2021) ['Perhambaan'ditemui di kilang sarung tangan getah Malaysia. Kenapa juruaudit tidak nampaknya?](#); Human Rights Watch (November 2022) [Taksud dengan Alat Audit, Terlepas Matlamat](#)

62 CBP (Mac 2021) [Lembaran Fakta: Gambaran Keseluruhan Proses Pengubahsuaian/Pembatalan WRO](#)

3. Rumusan Dapatan Utama

- 3.42 Penekanan ke atas audit sosial juga berisiko tidak memasukkan bentuk penglibatan lain dengan pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain untuk menunjukkan bahawa penunjuk buruh paksa telah Dipulihkan. Contohnya, melalui proses pelbagai pihak berkepentingan, perjanjian jenama boleh dikuatkuasakan atau program pemulihan yang diterajui pekerja.
- 3.43 Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda bahawa CBP bersedia untuk menggunakan pendekatan yang lebih fleksibel. Contohnya, CBP telah menarik balik larangan import berdasarkan bukti yang dikemukakan oleh kumpulan masyarakat sivil – bukannya audit sosial komersial yang ditauliahkan syarikat. Ini terbukti dalam kes Natchi Apparel dan I Annapurna Carpet. Dalam kes-kes ini, CBP menarik balik larangan import ke atas syarikat-syarikat ini berdasarkan bukti yang dikemukakan oleh organisasi masyarakat sivil dan kesatuan sekerja – termasuk temu bual pekerja dan laporan pemeriksaan. Oleh itu, kes-kes ini menawarkan model alternatif kepada audit sosial komersial yang ditauliahkan syarikat sebagai bentuk bukti utama yang digunakan untuk menunjukkan Pemulihan penunjuk buruh paksa.

Terdapat kekurangan ketelusan dan komunikasi yang berkesan di sekitar Pemulihan. Ini menghalang keupayaan masyarakat sivil untuk menjadikan syarikat bertanggungjawab dan memastikan akses yang berkesan kepada remedi disediakan.

- 3.44 Pihak berkepentingan melaporkan bahawa CBP telah berusaha dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk meningkatkan tahap komunikasi, keterbukaan dan ketelusannya. Walau bagaimanapun, proses Pemulihan masih kekal legap. Sebagai contoh, selain daripada siaran akhbar ringkas, CBP tidak menghebahkan alasan yang terperinci dan khusus bagi keputusannya untuk mengubah suai atau membatalkan WRO dan Dapatan.
- 3.45 Di samping itu, CBP tidak menghendaki syarikat mendedahkan tindakan yang telah mereka ambil untuk Memulihkan penunjuk buruh paksa sebagai tindak balas terhadap WRO atau Dapatan. atau untuk menerbitkan laporan audit mereka dan dokumen lain yang membuktikan Pemulihan buruh paksa. Sementara sesetengah syarikat telah mengambil langkah positif dengan mengumumkan dapatan laporan audit dan pelan tindakan pembetulan mereka, banyak syarikat tidak melakukannya.
- 3.46 Kekurangan ketelusan daripada syarikat dan CBP ini menghalang keupayaan masyarakat sivil untuk memantau dengan berkesan kecukupan usaha Pemulihan syarikat. Ia juga menghalang keupayaan masyarakat sivil untuk menjadikan CBP bertanggungjawab keatas keputusannya untuk mengubah suai atau membatalkan WRO dan Dapatan.
- 3.47 Syarikat juga boleh mendapat manfaat daripada ketelusan yang lebih tinggi daripada CBP. Menurut pihak berkepentingan, syarikat sering tidak dimaklumkan oleh CBP apabila larangan import dikenakan ke atas mereka, dan CBP tidak memberikan syarikat alasan terperinci dan khusus mengapa ia telah memutuskan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.⁶³ Walaupun syarikat yang lebih besar berkemungkinan mengetahui keputusan penguatkuasaan CBP, syarikat yang lebih kecil dan sederhana mungkin tidak. Jika syarikat tidak menyedari bahawa ia adalah tertakluk kepada larangan import, maka ia tidak mungkin mengambil sebarang tindakan untuk Memulihkan penunjuk buruh paksa. Oleh itu, ini mungkin menangguhkan pemberian remedi kepada pemegang hak yang terjejas sehingga masa syarikat itu menerima notis larangan import.

63 Secara khusus, syarikat melaporkan bahawa walaupun CBP mendedahkan penunjuk buruh paksa yang dikenal pasti olehnya, CBP tidak mendedahkan asas untuk pengenalpastian penunjuk tersebut. Sebagai contoh, CBP mungkin menyatakan bahawa ia mengenal pasti penunjuk ikatan hutang dalam operasi sebuah syarikat, tetapi mungkin tidak menyatakan secara khusus bagaimana ikatan hutang itu adalah nyata, atau di tapak atau lokasi mana penunjuk ikatan hutang didapati berada.

4. Rumusan Rekomendasi Utama

Untuk pekerja, wakil pekerja yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja dan masyarakat sivil

- 4.1 Bagi pekerja, wakil pekerja yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja dan kumpulan masyarakat sivil, langkah-langkah berikut boleh diambil untuk menggunakan mekanisme Akta Tarif dengan lebih berkesan untuk mendapatkan akses kepada remedi bagi orang dalam keadaan buruh paksa.

Berunding secara bermakna dengan pekerja dan pemegang hak apabila mempertimbangkan sama ada hendak mengemukakan petisyen kepada CBP untuk larangan import.

- 4.2 Perundingan yang bermakna dengan pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai sebelum menyerahkan Petisyen kepada CBP adalah penting untuk memastikan bahawa permintaan larangan import yang berpotensi adalah sejajar dengan kepentingan pekerja dan pemegang hak lain. Perundingan terlebih dahulu dengan pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai juga adalah penting untuk mengenal pasti apakah remedi yang pemegang hak ingin melihat diberikan kepada mereka sebagai sebahagian daripada pemulihan buruh paksa.

Petisyen CBP harus memasukkan rekomendasi khusus mengenai remedi yang harus diberikan kepada pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas.

- 4.3 Petisyen untuk larangan import hendaklah, jika boleh, menyertakan rekomendasi untuk syarikat berkenaan tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk Memulihkan penunjuk buruh paksa yang dikenal pasti dalam Petisyen itu.⁶⁴ Pemulihan ini harus merangkumi peruntukan remedi kepada pekerja yang terjejas dan pemegang hak.
- 4.4 Selaras dengan UNGP, remedi ini mungkin termasuk peruntukan pampasan kewangan, pembayaran balik yuran dan perbelanjaan pengambilan (jika berkaitan), pemulihan fizikal atau psikologi, permohonan maaf, jaminan tidak berulang, dan kebertanggungjawapan undang-undang untuk pelaku mudarat. Remedi ini harus dibangunkan melalui perundingan dengan pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai dan pemegang hak lain untuk memastikan bahawa remedi yang dicadangkan menangani keperluan dan kebimbangan pekerja dan pemegang hak, dan boleh membantu untuk mengganti rugi terhadap kemudaratan yang telah mereka alami.
- 4.5 Memasukkan rekomendasi khusus mengenai Pemulihan dalam Petisyen boleh membantu membimbing CBP dalam penglibatan seterusnya dengan syarikat, dan membantunya menilai kecukupan pelan tindakan pembetulan syarikat. Adalah amat penting untuk menyerlahkan kepada CBP apakah remedi yang pekerja dan pemegang hak ingin lihat diberikan kepada mereka. Ini ialah kerana CBP tidak mungkin mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang mendalam tentang setiap syarikat, industri atau geografi dengan cara yang sama seperti pekerja dan pemegang hak mereka sendiri. Oleh itu, pekerja dan pemegang hak sendiri adalah yang terbaik untuk menilai remedi yang perlu diberikan kepada mereka, untuk memulihkan mereka daripada kemudaratan yang dialami akibat daripada tertakluk kepada kerja paksa.

Terlibat secara proaktif dengan CBP semasa proses pemulihan

64 Jika Petisyen adalah berkaitan dengan keseluruhan industri, bukannya syarikat individu, Petisyen itu harus menyatakan Pemulihan yang harus dilakukan oleh syarikat individu untuk menunjukkan bahawa produk mereka tidak dibuat dengan, atau menggunakan, buruh paksa. Untuk panduan terperinci tentang cara merangka Petisyen kepada CBP, lihat: Pusat Perundangan Permerdagangan Manusia (2020) *Mengimport Kebebasan: Menggunakan Akta Tarif AS untuk Membanteras Buruh Paksa dalam Rantaian Bekalan*.

4. Rumusan Rekomendasi Utama

- 4.6 Apabila syarikat mengambil langkah untuk Membaiki penunjuk buruh paksa sebagai tindak balas terhadap larangan import, pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja, organisasi masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain harus menilai secara kritis usaha tersebut dan menyampaikan penilaian mereka kepada CBP.
- 4.7 Di mana boleh, penilaian ini hendaklah dibangunkan secara berunding dengan pekerja, wakil pekerja yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja untuk memahami pandangan pekerja tentang kecukupan remedi (jika ada) yang telah dijanjikan atau diberikan oleh syarikat.
- 4.8 Jika penilaian sedemikian tidak dapat dijalankan (cth., kerana syarikat tidak cukup telus tentang usaha pemulihannya, tiada akses kepada pekerja, atau syarikat itu tidak bersedia untuk melibatkan diri secara bermakna dengan pekerja, wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja atau masyarakat sivil), kekurangan ketelusan dan pendedahan ini harus dibangkitkan dengan CBP.

Untuk CBP

- 4.9 Tumpuan Laporan adalah pada pemberian remedi dalam konteks mekanisme larangan import Akta Tarif, dan bukannya mekanisme dan proses dalaman CBP. Walau bagaimanapun, Laporan itu telah mengenal pasti bidang-bidang tertentu di mana pendekatan CBP boleh diperbaiki untuk memastikan hasil yang lebih baik untuk orang dalam keadaan buruh paksa dan pihak berkepentingan lain – sambil mengiktiraf bahawa pemberian remedi tidak berada dalam mandat khusus CBP, dan bukan juga tujuan khusus mekanisme Akta Tarif.

Terbitkan panduan yang lebih terperinci tentang Pemulihan penunjuk buruh paksa – dengan memberi lebih penekanan terhadap pemberian remedi kepada pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas

- 4.10 CBP harus menerbitkan panduan yang lebih terperinci mengenai Pemulihan penunjuk buruh paksa sebagai sebahagian daripada proses pengubahsuaian atau pembatalan. Panduan sedemikian hendaklah (antara lain):
- Menetapkan piawaian keterangan yang digunakan oleh CBP semasa menilai sama ada penunjuk buruh paksa telah dipulihkan (iaitu, disingkirkan). Khususnya, CBP harus menyatakan jika ia memerlukan syarikat menunjukkan bahawa mereka telah mewujudkan mekanisme untuk mengenal pasti dan meminimumkan risiko buruh paksa dalam operasi mereka, atau jika mereka mesti menunjukkan bahawa tidak ada lagi apa-apa buruh paksa.⁶⁵
 - Memerlukan syarikat menunjukkan (sebagai satu prasyarat kepada pengubahsuaian atau penarikan balik WRO atau Dapatan), bahawa mereka telah:
 - memberikan (bukan hanya menjanjikan) remedi yang mencukupi kepada pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas;
 - terlibat secara bermakna dengan pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas, wakil pekerja yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja dan/atau kumpulan masyarakat sivil lain yang berkaitan dalam reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan usaha pemulihan syarikat; dan

65 Bandingkan, cth., bahasa yang digunakan dalam siaran akhbar CBP pada CBP 3 Jun 2020 (*CBP Mengubahsuaai Perintah Penahanan Pelepasan atas Import Tembakau dari Malawi*) di mana CBP merujuk kepada “usaha meminimumkan risiko buruh paksa dari rantaian bekalannya” sebuah syarikat, dan kenyataannya pada 3 Februari 2023 CBP (*CBP Mengubahsuaai Dapatan atas Sime Darby Berhad di Malaysia*), di mana ia merujuk kepada bukti bahawa syarikat berkenaan “tidak lagi mengeluarkan...produk menggunakan buruh paksa” (penekanan ditambah).

4. Rumusan Rekomendasi Utama

- bersikap terbuka dan telus berhubung dengan proses pemulihan (cth., melalui penglibatan yang bermakna dengan pihak berkepentingan, dan penerbitan laporan audit dan pelan tindakan pembetulan).
- Menjelaskan bagaimana CBP akan menilai Pemulihan penunjuk buruh paksa dalam industri atau geografi di mana terdapat risiko buruh paksa yang meluas dan sistemik yang mungkin di luar kawalan sebuah syarikat individu. Jika CBP akan menggunakan standard yang berbeza dalam konteks ini, CBP harus menyatakan piawaian yang akan digunakan, dan dalam apa keadaan.

Kurangkan pergantungan pada audit sosial yang ditauliahkan syarikat semasa proses membuat keputusan CBP

- 4.11 Laporan audit sosial yang disediakan oleh syarikat hendaklah menjadi hanya satu daripada banyak titik data yang dipertimbangkan oleh CBP. Apabila memutuskan sama ada untuk mengubah suai atau membatalkan WRO atau Dapatan, CBP harus mempertimbangkan sumber maklumat yang pelbagai yang harus dipentingkan – jika tidak lebih penting – daripada laporan audit sosial. Maklumat sedemikian mungkin termasuk testimoni langsung pekerja dan penghujahan daripada wakil pekerja yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja dan organisasi masyarakat sivil yang lain.
- 4.12 Khususnya, apabila mempertimbangkan petisyen oleh syarikat untuk mengubah suai atau membatalkan WRO atau Dapatan, CBP hendaklah:
- Memerlukan syarikat menyediakan pelbagai sumber bukti Pemulihan penunjuk buruh paksa (iaitu, bukan hanya laporan audit sosial). Ini mungkin termasuk, sebagai contoh, bukti dan testimoni langsung daripada pekerja atau wakil mereka yang boleh dipercayai, atau laporan daripada organisasi masyarakat sivil atau kesatuan sekerja.
 - Menawarkan panduan kepada syarikat tentang cara CBP menilai kebolehpercayaan dan kebebasan laporan audit sosial. Ini mungkin termasuk, sebagai contoh, panduan mengenai pemilihan juruaudit yang bebas dan tidak berat sebelah, keperluan berkaitan dengan ketelusan dan pendedahan metodologi dan dapatan audit, dan bukti penglibatan yang bermakna dengan pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas serta wakil mereka yang boleh dipercayai, dan pihak berkepentingan masyarakat sivil yang lain semasa proses audit.

Meningkatkan penglibatan dan komunikasi pihak berkepentingan

- 4.13 Apabila CBP mengenakan WRO atau Dapatan terhadap syarikat, ia harus memberitahu syarikat itu. CBP juga harus memberikan syarikat itu sebab-sebab yang terperinci dan khusus mengapa ia telah mengambil tindakan penguatkuasaan. Ini harus merangkumi bukan sahaja senarai penunjuk buruh paksa yang dikenal pasti oleh CBP, tetapi juga faktor khusus yang menimbulkan penunjuk tersebut (dengan cara yang melindungi kerahsiaan sumber).
- 4.14 CBP juga harus meluaskan dan meningkatkan penglibatan proaktifnya dengan pihak berkepentingan semasa proses Pemulihan. Khususnya, apabila CBP sedang mempertimbangkan permohonan oleh syarikat untuk mengubah suai atau membatalkan larangan import, CBP harus secara proaktif melibatkan diri dengan pekerja, kesatuan sekerja, wakil pekerja yang boleh dipercayai dan kumpulan masyarakat sivil lain untuk mendapatkan pandangan mereka tentang kecukupan usaha Pemulihan syarikat.

4. Rumusan Rekomendasi Utama

Pertimbangkan opsyen penguatkuasaan yang lebih fleksibel apabila perlu untuk mencegah atau mengurangkan potensi kesan buruk kepada pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas

- 4.15 Mungkin adalah bermanfaat bagi CBP untuk mempunyai pelbagai opsyen yang lebih fleksibel untuk penguatkuasaan larangan import. Fleksibiliti yang lebih besar dalam opsyen penguatkuasaan boleh membantu dalam mengelakkan atau mengurangkan kemungkinan akibat buruk bagi pekerja dan pemegang hak lain yang mungkin berpotensi timbul daripada penganan serta-merta larangan import. Sebagai contoh, pada tahun 2020 Peguambela Hak Antarabangsa dan makmal Kebertanggungjawapan Korporat telah mengemukakan Petisyen kepada CBP yang menuntut supaya larangan import dikenakan terhadap produk koko dari Cote D'Ivoire. Dalam Petisyen itu, pempetisyen menyeru CBP untuk memaksa pengimport koko AS mengemukakan bukti yang memuaskan bahawa penghantaran koko yang diimport oleh mereka tidak dihasilkan dengan atau menggunakan buruh paksa kanak-kanak dalam tempoh 180 hari.⁶⁶
- 4.16 Menerima pakai fleksibiliti yang lebih luas dalam pelbagai opsyen yang tersedia untuk CBP boleh membantu mengurangkan kebimbangan mengenai potensi kesan buruk larangan import terhadap pekerja dan pemegang hak, tanpa menjejaskan keberkesanan alat tersebut.
- 4.17 Yang pentingnya, CBP seharusnya hanya menggunakan opsyen penguatkuasaan yang lebih fleksibel apabila perlu untuk melindungi pekerja dan pemegang hak lain. Dalam membuat keputusan ini, CBP harus mengambil kira sebarang penghujahan daripada pekerja, wakil pekerja yang boleh dipercayai atau kesatuan sekerja.

Bagi kerajaan dalam bidang kuasa yang terjejas oleh larangan import

Menyokong Pemulihan buruh paksa sebagai tindak balas terhadap larangan import dengan menangani punca utama buruh paksa

- 4.18 Kerajaan dalam bidang kuasa yang terjejas oleh larangan import harus mempertimbangkan sejauh mana mereka boleh menyumbang kepada usaha syarikat dengan melaksanakan pembaharuan undang-undang dan dasar untuk menangani punca buruh paksa, serta dengan menyiasat dan menjadikan syarikat di bawah bidang kuasa mereka bertanggungjawab di sisi undang-undang terhadap buruh paksa dan pelanggaran hak asasi manusia lain dalam operasi mereka
- 4.19 Selain imperatif hak asasi manusia, terdapat insentif ekonomi bagi kerajaan untuk menyokong usaha korporat dalam mengenal pasti dan menangani punca utama buruh paksa dalam rantai bekalan. Dengan mengambil tindakan untuk menangani punca utama buruh paksa, kerajaan boleh membantu melindungi industri eksport utama daripada risiko larangan import masa hadapan – seterusnya membantu melindungi pekerjaan dan ekonomi. Pembaharuan seumpama ini mungkin termasuk:
- Memastikan bahawa buruh paksa dijenayahkan secara berkesan di bawah undang-undang domestik, dan definisi undang-undang buruh paksa adalah sejajar dengan Konvensyen Buruh Paksa ILO 1930.
 - Menjamin hak sama rata untuk pekerja migran dan bukan migran – termasuk berkenaan dengan kebebasan berserikat, perundingan kolektif, upah dan keadaan kerja.

66 Makmal Kebertanggungjawapan Korporat (Corporate Accountability Lab)(14 Februari 2020) *CAL dan Peguam IR Mencabar Pengimportan Koko yang Dihasilkan dengan Buruh Kanak-Kanak Paksa*

4. Rumusan Rekomendasi Utama

- Memberi sumber yang secukupnya kepada inspektorat buruh, dan memastikan penguatkuasaan undang-undang, dasar dan peraturan buruh yang berkesan.
- Memastikan bahawa dasar buruh dan penghijrahan untuk pekerja migran mempunyai perlindungan untuk mengurangkan risiko buruh paksa, pemerdagangan, dan eksploitasi (cth., larangan mengenakan yuran pengambilan, keperluan untuk penyediaan kontrak pekerjaan bertulis dalam Bahasa yang difahami oleh pekerja, melarang penahanan pasport dan dokumen oleh majikan dan membenarkan pekerja menukar majikan secara bebas.)
- Memastikan bahawa pekerja dan pekerja migran mempunyai akses kepada mekanisme aduan yang berkesan (termasuk sistem-sistem berasaskan negara, bukan berasaskan negara, kehakiman dan bukan kehakiman).

Untuk Sektor Swasta

Melibatkan pekerja dan masyarakat sivil secara bermakna dalam reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan proses Pemulihan

- 4.20 Demi menjadikan usaha syarikat dalam Pemulihan itu berkesan, pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain perlu dirangkumi dan terlibat secara bermakna pada semua peringkat proses. Oleh itu, syarikat harus memastikan pekerja dan wakil mereka yang boleh dipercayai, kesatuan sekerja, masyarakat sivil, dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan dirundingkan secara bermakna dalam reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan proses pemulihan
- 4.21 Inisiatif pelbagai pihak berkepentingan seperti Perjanjian Dindigul memberikan satu contoh bagaimana pendekatan kreatif boleh dilaksanakan untuk menangani isu-isu yang berakar umbi dan kompleks yang ditambah pula dengan faktor sosio-ekonomi, seperti jantina dan diskriminasi berasaskan kasta, dan dengan cara yang responsif secara langsung kepada keperluan dan kehendak pekerja. Mereka juga menawarkan contoh pendekatan berbilang peringkat untuk menangani isu hak asasi manusia dalam rangkaian bekalan syarikat yakni melalui gabungan perubahan tadbir urus korporat, latihan dan pembinaan kapasiti, jaminan kebebasan berpersatuan, dan akses yang lebih baik kepada mekanisme rungutan.
- Menerima pakai pendekatan berasaskan hak, bukan berasaskan pematuhan, untuk pemulihan
- 4.22 Syarikat akan mendapat manfaat dalam jangka panjang dengan menjauhkan diri daripada pemikiran yang didorong oleh risiko dan pematuhan, dan menerima pakai pendekatan berasaskan hak asasi manusia untuk Pemulihan yang meletakkan pekerja sebagai tumpuan utama pendekatan syarikat. Dalam erti kata lain, syarikat harus berusaha untuk mengenal pasti dan memahami kemudaratan yang ditimbulkan kepada pemegang hak, punca kemudaratan tersebut, bagaimana mereka yang terjejas boleh dipulihkan, dan langkah-langkah yang diperlukan untuk menjamin kemudaratan itu tidak berulang.
- 4.23 Pendekatan sedemikian lebih berkemungkinan menghasilkan penyelesaian holistik dan berkekalan. Ini, seterusnya, berkemungkinan mengurangkan risiko buruh paksa dengan ketara pada masa hadapan. Syarikat yang memilih untuk menggunakan 'kotak pangkah' atau pendekatan yang didorong oleh pematuhan untuk remedi mungkin mendapati bahawa mereka telah gagal untuk mengenal pasti dan menangani punca kerja paksa dengan betul – menyebabkan mereka terdedah kepada tindakan penguatkuasaan pada masa hadapan.

4. Rumusan Rekomendasi Utama

Melibatkan syarikat hulu dalam proses pemulihan

- 4.24 Syarikat antarabangsa, pembeli dan jenama harus menyokong usaha Pemulihan yang dijalankan oleh pembekal mereka. Jika pembekal kepada syarikat antarabangsa menerima larangan import, syarikat antarabangsa harus mengelak daripada 'memotong dan melari' dengan serta merta - terutamanya jika pembekal bersedia untuk melakukan Pemulihan. Sebaliknya, syarikat antarabangsa itu harus berusaha untuk menggunakan pengaruhnya dan menawarkan sumbernya untuk membantu pembekal dengan usaha Pemulihannya
- 4.25 Jika pembeli membuat keputusan untuk menamatkan hubungannya dengan pembekal kerana larangan import, pembeli harus memastikan bahawa ia melepaskan diri secara bertanggungjawab dan dengan cara yang meminimumkan potensi kesan buruk kepada pekerja dan pemegang hak.

Untuk Suruhanjaya Eropah

- 4.26 Pada September 2022, Suruhanjaya Eropah menerbitkan cadangannya untuk satu peraturan (Peraturan Yang Dicapulkan) untuk melarang produk yang dihasilkan dengan buruh paksa di pasaran Kesatuan Eropah (EU).⁶⁷ While the Proposed Regulation is not directly modelled on the Tariff Act, the findings of the Report are of direct relevance to EU policymakers as they develop the Proposed Regulation.
- 4.27 Satu set rekomendasi yang komprehensif untuk Rekomendasi Yang Dicapulkan boleh didapati di sini. Tetapi secara ringkasnya, Peraturan yang Dicapulkan hendaklah:
- (a) Memastikan pihak berkuasa yang berwibawa terlibat dalam perundingan yang bermakna dengan pihak berkepentingan, termasuk pekerja, kesatuan sekerja dan masyarakat sivil semasa proses membuat keputusan – bukan hanya pengendali ekonomi
 - (b) Mengurangkan kebergantungan pada 'audit sosial' yang ditauliahkan syarikat sebagai bentuk bukti utama yang disandarkan oleh pihak berkuasa yang berwibawa
 - (c) Tidak menawarkan sebarang bentuk 'pelabuan selamat' untuk syarikat semata-mata atas dasar kecukupan yang nyata proses usaha wajar mereka
 - (d) Pastikan akses kepada remedi (seperti yang ditakrifkan dalam Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia) untuk pekerja dan pemegang hak lain yang terjejas telah diberikan sebagai syarat untuk menghapuskan langkah penguatkuasaan.
 - (e) Tidak memberi tumpuan semata-mata kepada pengendali ekonomi yang 'paling dekat' dengan buruh paksa, tetapi harus mengutamakan penyiasatan berdasarkan sejauh mana pengendali ekonomi telah menyebabkan, menyumbang kepada, atau mengaut keuntungan daripada, buruh paksa

67 Suruhanjaya Eropah (European Commission) (2022) COM(2022) 453 [Cadangan untuk peraturan melarang produk yang dihasilkan dengan buruh paksa di pasaran Kesatuan](#)